

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**TARIKH : 18.3.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a) sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menjadikan Bahasa Mandarin sebagai bahasa penghantar ketiga dalam Sistem Pendidikan Negara; dan
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk "*Nationalised*" sekolah jenis Kebangsaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak bercadang menjadikan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar ketiga dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, namun bahasa Cina terus kekal sebagai bahasa pengantar utama di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Penegasan tersebut dijelaskan dalam Seksyen 2, Akta Pendidikan 1996. Manakala di Sekolah Kebangsaan (SK), semua murid tanpa mengira kaum berpeluang mempelajari mata pelajaran Bahasa Cina jika berminat. Di

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) pula, mata pelajaran Bahasa Cina ditawarkan sebagai bahasa tambahan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak timbulnya isu "*Nationalised*" kerana sekolah jenis Kebangsaan di dalam telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada Sistem Pendidikan Kebangsaan. Perkara tersebut jelas dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996 dan ditegaskan lagi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.